

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JULY 2017

SIRI 9

# 'MELAYU TIADA TEMPAT'

**T**IDAK banyak yang boleh dikongsikan mengenai keupayaan orang Melayu mengisi kepimpinan peringkat atasan DAP. Cerita kejayaan orang Melayu dalam DAP tidak jelas.

Kalau adapun orang Melayu yang agak dikenali ialah Dyana Sofya Mohd. Daud, calon DAP yang tewas di tangan Presiden Gerakan, Datuk Seri Mah Siew Keong dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Teluk Intan pada 31 Mei 2014.

Dikatakan DAP tidaklah teruja meletakkan orang Melayu di barisan hadapan kepimpinan parti itu walaupun berulang kali menyebut parti itu berbilang kaum.

Semasa pemilihan 15 Ahli Majlis Eksekutif DAP yang menganggotai Jawatankuasa Tertinggi DAP Negeri Selangor pada November 2015 tiada seorang pemenang pun Melayu. Bahkan, kelibat calon India juga tidak nampak naik pentas. Begitu juga pada pemilihan ahli Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) 2012 - tidak ada Melayu yang terpilih.

Mungkin yang masih diingati pemimpin Melayu dalam DAP ialah Allahyarham Ahmad Nor yang menang kerusi Parlimen Bayan Baru, Pulau Pinang pada Pilihan Raya Umum (PRU) 1990. Itu pun populariti beliau diwarnai penglibatan aktifnya dalam sebuah kesatuan sekerja.

Kalau hendak dikira pemilihan calon Melayu dalam menggalas cabaran DAP memang boleh dikira dengan jari. Antaranya, penyandang kerusi DUN seperti Ibrahim Singgeh (1969), Tapah Road, Perak; Hassan Ahmad (1969) Si Rusa, Perak; Fadzlan Yahya (1982), Pasir Berdamar, Perak; Fadzlan Yahya (1986), Pasir Berdamar, Perak; Fadzlan Yahya (1990), Lahat, Perak dan Mohd. Asri (1990), Dermawan, Perak.

Ini termasuklah dua wakil rakyat Melayu sedia ada di Parlimen Bukit Bendera (Zairil Khir Johari) dan Raub (Datuk Mohd. Ariff Sabri Abdul Aziz).

Selepas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim membuat keputusan keluar parti pada 14 Mei 2012, hampir tidak ada pemimpin Melayu DAP yang

## MUKADIMAH

BAIK Penasihat DAP, Lim Kit Siang mahupun anaknya, Lim Guan Eng, dikatakan gemar menuding jari dan menyibuk hal-hal orang lain daripada melihat cermin perbetulkan diri sendiri.

Berdegar-degar kononnya 'tahu segala benda'. Padahal sehingga hari ini pun DAP belum mampu selesaikan isu pemilihan parti itu yang tidak sah pada Disember 2012. Atau pemilihan semula yang juga tidak sah pada September 2013.

Paparan 10 siri oleh wartawan *Utusan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL** menyorot tindak tanduk percaturan DAP melalui Kit Siang dan Guan Eng dalam kemelut politik lepas dan semasa negara.

cukup dikenali.

Yang menyerlah hanyalah DAP sebagai parti anak-beranak Lim Kit Siang dan meniang Karpal Singh.

Walaupun dua perkataan iaitu kronisme dan nepotisme menjadi 'modal besar' DAP mengutuk kerajaan Barisan Nasional (BN) namun hakikatnya, dua unsur itulah yang menjadi anutan pemimpin DAP dan sekutu parti itu, Anwar Ibrahim yang mana si ayah menjadi ketua umum (PKR), si ibu menjadi presiden dan si anak pula naib presiden.

Struktur kepimpinan DAP tidak pernah melalui perubahan sebenar sejak kewujudannya pada 1966. Supremo parti itu masih Kit Siang dan anaknya, Guan Eng - yang berubah hanya jawatan.

Nepotisme berada di kedudukan tertinggi dalam DAP, sehinggakan para penyokong parti sosialis itu mempersenda DAP sebagai sebuah syarikat sendirian berhad - "DAP Sdn. Bhd.".



**DYANA SOFYA MOHD. DAUD** 'diperjudikan' oleh DAP untuk menentang Mah Siew Keong daripada Gerakan dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Teluk Intan pada 31 Mei 2014 meskipun sebahagian besar penyokong DAP mahu parti itu meletakkan calon Cina. Dyana Sofya kalah 238 undi di kawasan itu yang memiliki 42 peratus pengundi Cina. - UTUSAN

DAP sendiri tidak dapat menyembunyikan masalah dalamannya. Boleh dikatakan sepanjang masa, DAP bergolak. Sejak 1998 parti itu bergelora sehingga membawa kepada pemecatan pemimpin kanannya seperti Liew Ah Kim (naib pengerusi), Wee Choo Keong (setiausaha publisiti) dan Fung Ket Wing (bendahari).

Pada masa sama, kubu kuat DAP di Pulau Pinang juga bergegar apabila Kit Siang menarik balik hasrat bersara dari arena politik seperti diumumkan pada 1995 sehingga menyebabkan ramai pemimpin DAP khususnya di Pulau Pinang terkejut.

Bagi mereka, Kit Siang tidak perlu berpatah balik. Lebih parah, mereka dituduh terlibat dalam kempen menyingkirkan Kit Siang (KOKS). Jalan mudah sebagai tanda protes ialah meletak jawatan.

Penyokong DAP pasti masih ingat bagaimana Lee Lam Thye yang berjuang bersama parti itu sejak 1969 terpaksa meninggalkan parti dalam keadaan menangis teresak-esak.

Lam Thye meletak jawatan sebagai Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan pada 12 September 1990 dan Timbalan Setiausaha

Agung pada 3 Oktober 1990 akibat tindak-tanduk pemimpin lain 'menikannya' dari belakang.

Lam Thye mengakui menghadapi masalah dalam parti sejak 1987. Ini bermakna beliau mengambil masa hampir tiga tahun untuk membuat keputusan yang paling memilukan dalam sejarah politiknya.

Begitu juga dengan beberapa aktivis lain seperti Dr. Kua Kia Soong dan Lee Ban Chen yang masuk parti pada 1990 tetapi meninggalkan parti pada Jun 1995 kerana tidak bersetuju dengan kepimpinan parti.

Pada awal 1985, Kit Siang pernah 'berkabung' lima hari apabila seorang Ahli Dewan Undangan Negeri di Melaka meninggalkan parti itu.

Sesuatu yang menarik setiap kali berlaku masalah dalam parti, DAP akan mengeluarkan arahan supaya ahli-ahli tidak memberi sebarang komen terhadap tindakan ahli meninggalkan parti.

Ini jelas semasa peletakan jawatan Lam Thye. Keadaan yang sama juga berlaku sekarang.

Kalau benarlah itu yang dipraktikkan DAP, orang Melayu sahlah sukar 'mendaki gunung' untuk mendapat tempat dalam DAP.